

Ekuinas lancar ILMU jana sektor pendidikan

» 7 institusi pelbagai jenama sedia peluang pembelajaran, kemahiran

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), kini bersedia untuk menjana hasil daripada portfolio pendidikannya dengan pelancaran Kumpulan Pendidikan Ilmu (ILMU).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata ILMU ialah kumpulan penyedia pendidikan pelbagai jenama bersepadu yang terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka.

Katanya, pelancaran kum-

pulan penyedia pendidikan itu adalah sebahagian strategi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu untuk membawa ILMU ke pasaran dan menjana hasil pelaburan Ekuinas dalam sektor pendidikan.

Beliau berkata, sebagai firma ekuiti persendirian, pihaknya mempunyai tempoh pelaburan antara tiga hingga lima tahun.

Sedia jana hasil

“Ekuinas sudah membangunkan perniagaan yang sangat besar dalam ILMU, jadi kami bersedia untuk menjana hasil yang mungkin menerusi penyenaian kumpulan penyedia pendidikan itu di bursa saham.

“Pelancaran ILMU menunjukkan kesediaan kami. Jika ada pihak strategik yang berminat (dengan ILMU), saya fikir kami akan mempertimbangkannya,” katanya selepas pelancaran ILMU di Kuala Lumpur, kelmarin.

Pelancaran kumpulan penyedia pendidikan itu disempur-

nakan secara bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ilmu Education Group Sdn Bhd, Amil Izham Hamzah.

Rahman berkata, Ekuinas menjangkakan merealisasikan usaha menjana hasil daripada portfolio pendidikannya dalam tempoh enam bulan hingga setahun ini.

Mengulas mengenai penubuhan ILMU, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata pembentukan ILMU didorong oleh hasrat firma itu untuk menubuhkan kumpulan pendidikan

terkemuka milik Bumiputera yang bertujuan untuk menjadi penanda aras baharu dalam industri.

“Pelaburan pertama Ekuinas dalam sektor pendidikan adalah pada tahun 2010. Pendidikan adalah salah satu daripada sektor pelaburan Ekuinas yang mewakili hampir 23 peratus daripada portfolio pelaburannya setakat ini,” katanya.

ILMU menyediakan aktiviti pembelajaran menyeluruh kepada

lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang meliputi pasaran K-12 (peringkat rendah dan menengah) serta pengajian tinggi.

Bagi tahun kewangan 2014, ILMU mencatatkan pendapatan tergabung proforma antara tertinggi dalam industri sebanyak RM376.7 juta, dengan EBITDA melebihi RM100 juta.

Melalui rangkaian institusinya, ILMU menyediakan persekitaran pembelajaran inovatif dan menyeluruh untuk pelajarannya dengan tujuan membentuk bakat generasi muda

masa depan, dilengkapi kemahiran yang memenuhi keperluan dunia sebenar.

INFO

Tujuh institusi di bawah ILMU

- Asia Pacific University (APU)
- UNITAR International University
- Kuala Lumpur Metropolitan University College
- Cosmopoint College
- APIIT Sri Lanka
- Tenby Schools
- Asia Pacific Schools



“Ekuinas sudah membangunkan perniagaan yang sangat besar dalam ILMU, jadi kami bersedia untuk menjana hasil yang mungkin menerusi penyenaian kumpulan penyedia pendidikan itu di bursa saham”

Abdul Rahman Ahmad,
Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas